

Jalankan tugas dengan sempurna

UM 29.1.2014 26

LABUAN 28 Jan. -

Pegawai dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dinasihatkan supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sempurna.

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, apabila pegawai dan kakitangan diberi tugas, mereka sewajarnya menjalankan dengan penuh komitmen supaya hasrat dan matlamat universiti akan tercapai.

“Sebagai penjawat awam, kita mesti jalankan tugas dengan penuh bertanggungjawab dan amanah untuk manfaat pelanggan keseluruhannya, “katanya semasa berucap sempena majlis serah dan terima tugas pegawai kanan UMSKAL di Bilik Seri Menanti, Bangunan Menara UMSKAL, di sini semalam.